

09/10/2001

Serangan Amerika tidak jejas Lima '01

y Fazrunisyam Samarudin

LANGKAWI, Isnin - Kemeriahhan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2001 (Lima '01) yang bermula esok hingga 14 Oktober ini, dijangka tidak terjejas berikutan serangan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan, malam semalam.

Pengerusi Eksekutif Le Proton Lima Sdn Bhd (Le Proton), Datuk Radzi Manan, berkata semua syarikat yang mengesahkan penyertaan segmen udara sudah bersedia bagi majlis pelancaran esok.

Beliau berkata, penarikan pasukan aerobatik Red Arrows Tentera Udara Diraja British semalam dan The Thunderbirds dari Amerika sebelum ini, tidak memberi kesan besar terhadap kehadiran pengunjung.

"Malah, sehingga hari ini, masih ada beberapa syarikat mahu mendaftar menyertai Lima `01 sehingga sukar mengesahkan jumlah sebenar peserta segmen udara.

"Walaupun ada syarikat, khususnya dari Amerika menarik diri, banyak juga syarikat yang mahu menyertai pameran pada saat akhir. Jadi, saya menjangkakan pencapaian Lima kali ini lebih baik berbanding Lima `99," katanya pada sidang akhbar di Pusat Pameran Antarabangsa Langkawi (MIEC), iaitu tempat pameran segmen udara.

Sebelum ini ada pihak menjangka Lima '01 akan terjejas jika Afghanistan diserang.

Bagaimanapun, Radzi mengakui pelawat antarabangsa berkurangan berbanding Lima sebelum ini, berikutan serangan terhadap Afghanistan serta tragedi 11 September di New York dan Washington.

Lima '01 akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kira-kira jam 10 pagi sebelum melawat tapak pameran. Beliau kemudian dijangka melawat tapak pameran maritim di Tanjung Malai pada sebelah petang.

Radzi berkata, 95 peratus ruang pameran di MIEC sudah dibeli kira-kira 300 peserta, termasuk syarikat dari India, Russia, Amerika, United Kingdom (UK), Indonesia, Afrika Selatan, Perancis, Ukraine, Sweden, Belanda dan Jerman.

Antara syarikat yang mengambil bahagian ialah India Defense Industries, European Aeronautic Defense & Space Co (Jerman), Asian Composite Manufacturing Sdn Bhd (Malaysia), Penerbangan Malaysia (Malaysia), Gromov, JSC Irkutsk Aviation Industrial Association, Russian Aircraft Corporation "MiG" (Mapo), semua dari Russia, BAe System (UK) dan Boeing (Amerika).

Beliau berkata, hanya beberapa syarikat menarik diri pada saat akhir tetapi tidak memberi kesan besar terhadap keseluruhan pameran edisi keenam itu.

Katanya, penarikan The Thunderbirds dan Red Arrows yang sebelum ini tidak pernah gagal mempertontonkan aksi mereka sejak Lima '95, mungkin menyebabkan pertunjukan aerobatik kurang menarik.

Bagaimanapun, pertunjukan aerobatik akan diteruskan setiap hari oleh juruterbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dengan jet pejuang F/A-18 Hornets dan MiG-29 Fulcrums.

Pengunjung juga berpeluang menyaksikan aksi hebat juruterbang SU-30MK dari Russia yang juga akan mempamerkan kemampuan pesawat mengisi minyak di udara.

Radzi juga yakin pameran kali ini berjalan lancar berikutan kawalan ketat di pintu keluar masuk oleh Pasukan Khas Tentera Udara Diraja Malaysia (Paskau) dan polis.

Katanya, langkah meningkatkan keselamatan berikutan serangan terhadap Afghanistan kerana acara itu salah satu agenda penting kepada negara.
(END)